

14 OCT 2003

Hasmah-Pelajar

KEMISIKINAN TAK HARUS HALANG PENGAJIAN, KATA SITI HASMAH

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Isu kemiskinan keluarga tidak sepatutnya dijadikan alasan oleh pelajar untuk tidak meneruskan pengajian mereka, kata Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Isteri Perdana Menteri berkata pelajar sepatutnya belajar daripada masalah hidup yang dihadapi, dan meneruskan pengajian mereka ke peringkat lebih tinggi sebagai landasan memperbaiki kehidupan mereka.

"Kita juga harus merancang nasib kita kerana kalau kita gagal merancang, bermakna kita merancang untuk menemui kegagalan," katanya pada majlis pelancaran Tabung Sahabat Universiti Pendidikan Sultan Idris di universiti itu di Tanjung Malim, Perak.

Dr Siti Hasmah, yang juga pengerusi Badan Amal Kebajikan Isteri-Isteri Menteri (Bakti), turut menyampaikan derma badan itu kepada tabung berkenaan yang bertujuan menjaga kebajikan pelajar yang memerlukan.

Katanya, beliau yakin pihak universiti akan sedaya upaya berusaha membantu pelajar-pelajar yang memerlukan memandangkan pinjaman dan biasiswa yang diterima tidak mencukupi bagi menampung kos pendidikan mereka.

Dr Siti Hasmah berkata terdapat segelintir pelajar yang terpaksa menggunakan bantuan pinjaman atau biasiswa yang sepatutnya digunakan bagi keperluan pengajian bagi menolong atau menampung kehidupan keluarga di kampung.

Bagi pelajar yang mengalami kesempitan hidup, dan daripada keluarga yang susah, sudah pasti ianya sedikit sebanyak akan mengganggu tumpuan mereka terhadap pelajaran, katanya.

Untuk itu, tabung ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh pelajar, dan diharapkan ianya akan dijadikan dorongan dan suntikan semangat bagi mereka untuk terus berusaha dengan lebih gigih bagi mengubah taraf hidup keluarga mereka ke tahap yang lebih baik, katanya.

Beliau kemudiannya menyampaikan sumbangan BAKTI untuk tabung itu sebanyak RM20,000 kepada Naib Canselor UPSI Prof Datuk Dr Mohammad Noor Salleh dan menerima Tabung Wang Ihsan Zakat Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) berjumlah RM150,000 daripada Pengurus Besar Sokongan dan Perkhidmatan BIMB, Nazlan Azizi Ibrahim sebelum menyerahkan kepada Mohammad Noor.

Siti Hasmah berkata BAKTI kini akan memulakan kembali bantuan itu tetapi tidak akan memberi terus kepada universiti sebaliknya menunggu permohonan daripada universiti-universiti yang memerlukan bantuan berkenaan.

"Jumlah bantuan yang kita akan berikan ialah RM20,000. Buat masa ini universiti yang telah memohon dan diberikan bantuan itu ialah Universiti Malaya (UM), UPSI dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Dalam perkembangan lain, beliau berkata jumlah pelajar perempuan yang ramai berbanding para pelajar lelaki di universiti-universiti di negara ini boleh menjadi contoh kepada negara-negara Islam lain bagaimana Malaysia berusaha membangunkan kaum wanita.

"Ketua-ketua negara Islam yang sedang bersidang di Putrajaya sekarang sempena OIC (pertubuhan Persidangan Islam) patut mencontohi apa yang berlaku di Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, Siti Hasmah berkata perkembangan itu tidak sepatutnya menggembirakan kaum wanita sebaliknya mereka perlu risau akan perkara itu dan secara berseloroh berkata kalau lelaki terlalu jauh ke belakang, susah bagi wanita untuk mencari pasangan yang sesuai.

"Kaum lelaki perlu berusaha lebih lagi. Dalam perkara ini kaum wanita tidak akan berundur atau berhenti supaya perkara ini dapat diseimbangkan. Kalau dulu para pelajar wanita terpaksa mengejar kaum lelaki dalam soal pendidikan, sekarang saya mahu lihat lelaki pula mengejar wanita. Dulu waktu saya belajar, saya seorang sahaja perempuan. Lelaki sekarang terlalu banyak terpengaruh termasuk politik," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sebelum ini pernah mencabar pelajar lelaki supaya membuktikan kemampuan mereka dalam bidang akademik dan menambahkan lagi bilangan mereka di universiti.

-- BERNAMA

KAY PR